



AM

Perak mahu hasilkan tangan palsu bantu OKU



Khairul Shahril Mohamed (Gambar fail)



PENIPUAN KEWANGAN boleh terjadi dengan pelbagai cara. Sesiapa pun boleh menjadi mangsa akibat sifat **TAMAK, TAKUT** atau **TIDAK AMBIL PEDULI**.

Tonton Ruang Bicara bersama FEN pada **10 Sept 2020, Khamis, 9 Malam**

10/09/2020 07:13 PM

IPOH, 10 Sept -- Kerajaan negeri dengan sebuah syarikat swasta bekerjasama untuk mereka cipta tangan prototaip elektronik cetakan 3 dimensi (3D) bagi membantu lebih ramai kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) yang memerlukan kemudahan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Khairul Shahril Mohamed berkata, kerjasama dengan MyVista itu dilaksanakan melalui Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) yang bertujuan manfaat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) demi kesejahteraan sosial rakyat.

"Inisiatif yang dihasilkan MyVista itu memberi banyak manfaat kepada insan-insan yang memerlukan dan usaha sebegini wajar disambut baik oleh semua pihak.

"Banyak ruang boleh dijayakan dengan kerjasama semua pihak termasuk swasta dan badan-badan korporat untuk menghulurkan bantuan," katanya dalam sidang media selepas penyerahan tangan prototaip elektronik cetakan 3D kepada seorang kanak-kanak OKU, Izza Adeera Faaizul Hisham, 7, di Hub Inovasi dan Multimedia di Meru Raya di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri turut menggalakkan syarikat swasta dan badan korporat lain agar bersama-sama melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu kanak-kanak OKU menjalani kehidupan seperti insan normal.

"Saya yakin, lebih banyak pihak bersedia menawarkan diri untuk menjayakan program ini jika ia dihebahkan sebaik mungkin," katanya.

Sementara itu, Pengasas MyVista, Sujana Mohd Rejab berkata, inisiatif bersama kerajaan negeri itu bertujuan meningkatkan keyakinan dalam diri kanak-kanak OKU.

Beliau berkata, sehingga kini lebih 60 tangan prototaip elektronik cetakan 3D yang berharga antara RM5,000 hingga RM10,000 seunit berjaya dihasilkan iaitu lebih murah berbanding di luar negara yang mencecah RM25,000 hingga RM40,000 seunit.

"Kita tidak mahu membebankan penaja atau pemberi sumbangan. Kita lebih kepada memberi khidmat sosial dan tidak mahu membebankan penerima," katanya.

Dalam pada itu, ayah kepada Izza Adeera, Faaizul Hisham De, 42, berkata prototaip itu merupakan tangan palsu kedua diterima anaknya yang disifatkan ringan dan sesuai untuk digunakan.

"Dia ada menggunakan tangan mekanikal beberapa tahun lalu tetapi agak sukar kerana memerlukan kekuatan siku selain tangannya yang kecil. Jadi, dia tidak dapat pegang dalam tempoh lama," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Izza Adeera tidak pernah berasa rendah diri sebaliknya sudah menerima hakikat kekurangan yang dialaminya sejak daripada lahir.

-- BERNAMA

ADVERTISEMENT